

## MEDIA ELEKTRONIK DI DALAM KEHIDUPAN DAN PEMBANGUNAN INSANIAH KANAK-KANAK

### *ELECTRONIC MEDIA IN CHILDREN'S LIFE AND SPIRITUAL DEVELOPMENT*

Shahnun Binti Haji Musa<sup>1</sup>

M.H. Norhidayah<sup>2</sup>

R. Nursabila<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Islamic Studies Department, Faculty of Contemporary Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College (KIAS), Kota Bharu, Kelantan (shahnunmusa2023@gmail.com)

<sup>2</sup> Muamalat Department, Faculty of Management and Information (norhidayah169@gmail.com)

<sup>3</sup> Dakwah & Human Development Department, Faculty of Contemporary Islamic Studies, Sultan Ismail Petra International Islamic University College (KIAS), Kota Bharu, Kelantan

#### Article history

Received date : 29-10-2023

Revised date : 30-10-2023

Accepted date : 27-11-2023

Published date : 15-12-2023

#### To cite this document:

Shahnun, Norhidayah & Nursabila (2023). Media elektronik di dalam kehidupan dan pembangunan insaniah kanak-kanak. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (59), 33 – 45.

**Abstrak:** *Kertas ini membincangkan tentang kesan dan pengaruh media terhadap kehidupan dan pembangunan insaniah kanak-kanak. Selaras dengan kehidupan di dalam era globalisasi dan perkembangan pesat teknologi, pendidikan yang dilaksanakan kepada kanak-kanak juga perlu perhatian khusus untuk membina generasi berpengetahuan dan bersahsiah mapan. Tumpuan penulisan kajian terhadap peranan dan potensi pelbagai media dalam menghasilkan pendidikan berkesan dan berkualiti untuk membangunkan fungsi dan insaniah kanak-kanak. Kajian ini berbentuk kajian kepustakaan, kajian komparatif, dan analisis historikal. Jurnal ilmiah, laporan kajian serta tesis yang berkaitan merupakan sumber utama kajian ini. Perbincangan juga berdasarkan beberapa ayat-ayat al-Quran yang berkaitan. Perlaksanaan media secara bertanggungjawab dan interaksi positif media mampu membina perkembangan kanak-kanak secara menyeluruh dan bersepadu untuk membangunkan pemahaman dan pelaksanaan fungsi kemanusiaan hidup secara harmoni dan sejahtera. Melalui dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi manfaat dan panduan kepada seluruh pihak yang terlibat di dalam pendidikan kanak-kanak.*

**Kata Kunci:** *media, pembangunan insaniah kanak-kanak, sahsiah mapan, kehidupan sejahtera*

**Abstract:** *This paper discusses the impact and influence of the media on children's lives and intellectual development. In line with life in the era of globalization and the rapid development of technology, the education provided to children also needs special attention to build a knowledgeable and stable generation. The focus of research writing on the role and potential of various media in producing effective and quality education to develop children's functions and soft skills. This study is in the form of a literature review, comparative study, and historical analysis. Scientific journals, research reports and related theses are the main sources of this*

*study. The discussion is also based on some related verses of the Quran. Responsible implementation of the media and positive interaction of the media can build the development of children in a comprehensive and integrated manner to develop the understanding and implementation of the humanitarian function of living harmoniously and prosperously. Through the findings of this study, it was hoped that it can provide benefits and guidance to all parties involved in children's education.*

**Keywords:** *media, children's soft development, stable personality, prosperous life*

---

## **Pengenalan**

Perubahan perspektif masyarakat terhadap pendidikan, pekerjaan dan kebajikan berlaku telah menjadikan pendidikan awal kanak-kanak sebagai persoalan umum dan bukan lagi kebimbangan oleh kedua ibu bapa sahaja. Sementelah kehidupan di dalam era globalisasi kini. Globalisasi merupakan satu proses untuk meletakkan dunia di bawah satu unit yang sama tanpa dibatasi oleh sempadan dan kedudukan geografi sesebuah negara. Sesebuah negara itu terbuka luas untuk dimasuki oleh pelbagai maklumat yang disalurkan menerusi pelbagai perantaraan media komunikasi seperti internet, media elektronik dan teknologi siber. Sebagaimana definisi globalisasi oleh Lodge (1993), iaitu satu proses pembentukan global arus masyarakat, maklumat dan ekonomi yang dipercepatkan dengan ledakan teknologi yang boleh memberi kesan negatif kepada persekitaran. Desakan globalisasi menjadikan teknologi menjadi sangat penting dan kebergantungan masyarakat terhadap teknologi juga sangat tinggi. Teknologi menjadi sebahagian daripada dunia kehidupan manusia sejagat. Tidak terkecuali juga golongan kanak-kanak yang perlu membiasakan diri dengan teknologi kerana perkembangan pengurusan dan kehidupan mutakhir ini adalah melalui dunia digital, dan akan terus menawarkan sejumlah besar manfaat dan kepentingannya. Justeru perkembangan teknologi tidak merugikan manusia sejagat termasuk golongan kanak-kanak.

Penggunaan media elektronik dan media massa telah menyumbang kemudahan yang besar kepada manusia terutama sepanjang menjalani Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berpunca daripada pandemik Covid 19 yang berlaku di seluruh dunia. Semenjak itu, berlaku peningkatan mendadak penggunaan peranti elektronik kepada semua peringkat usia penduduk dunia sama ada orang dewasa, remaja mahu pun kanak-kanak. (Siti Jamiaah, Nurfarahin & Juwairiah, 2020)

## **Tinjauan Literatur dan Pernyataan Masalah**

Kajian Wan Anita & Azizah (2013) tentang pengaruh media terhadap perkembangan fizikal, tingkahlaku dan kognitif kanak-kanak. Melalui teori ekologi, mereka membuktikan peranan keluarga dalam menyediakan persekitaran rumah termasuk pemilikan media dan teknologi komunikasi baharu termasuk computer, telefon mudah alih dan internet. Sejajar dengan perkembangan ini, penggunaan kanak-kanak terhadap media dan alat teknologi komunikasi menjadi terbuka luas dan secara bebas. Antara kesan negatif media dalam perkembangan fizikal kanak-kanak ialah kurang pergerakan aktif dan kecergasan fizikal kerana mereka lebih banyak duduk semasa menonton, bermain permainan elektronik atau melayari internet. Selain itu mereka juga terdedah kepada obesiti sama ada mereka makan semasa menonton atau terpengaruh dengan iklan dan pemasaran makanan daripada media elektronik. Sementara daripada aspek sosial dan tingkahlaku kanak-kanak, media boleh memberi kesan prososial dan antisosial. Sekiranya kanak-kanak dibiarkan dengan pengaruh antisosial, mereka akan terpengaruh dengan aksi-aksi agresif sama ada di dalam cerita-cerita atau pun melalui

permainan elektronik. Begitu juga pengaruh media elektronik kepada perkembangan kognitif kanak-kanak. Ia bergantung kepada sistem mikro kanak-kanak itu sendiri. Cara penggunaan dan kekerapan mengguna media tersebut akan mempengaruhi kesan penggunaan sama ada baik atau buruk terhadap perkembangan positif dan pencapaian akademik kanak-kanak (Wan Anita W.A, & Azizah, H, 2013)

Kajian Ebrahim (2014), juga berkaitan kesan penggunaan media elektronik terhadap perkembangan fizikal dan mental kanak-kanak. Kesan penggunaannya menjadi positif atau negative kepada perkembangan kanak-kanak adalah bergantung kepada. Cara penggunaan dan kekerapan mengguna tersebut. Kajian ini mengetengahkan kesan negatif penggunaan media elektronik. Video muzikal contohnya boleh mempengaruhi perasaan dan rangsangan seksual pramatang kanak-kanak dan remaja. Menonton televisyen dan video secara melampau boleh mempengaruhi penggunaan masa secara tidak berfaedah, malas untuk bergerak aktif dan terpengaruh dengan pemakanan dan makanan tidak bernutrisi kepada mereka. Terdapat juga pengaruh kepada perbuatan merokok, pengaruh alkohol dan penglibatan dengan salah laku seksual dalam kalangan kanak-kanak (Ebrahim, 2014) Kajian Aina & Hapsah (2020) bertujuan melihat pengaruh penggunaan gajet terhadap perkembangan kanak-kanak prasekolah. Hasil kajian menunjukkan bahawa jenis gajet dan tempoh penggunaan gajet mempengaruhi kesan penggunaannya dalam kalangan kanak-kanak. Menonton kartun dan bermain permainan elektronik menggunakan telefon pintar sangat banyak pengaruh negatif kepada perkembangan sosial dan emosi serta penglihatan kanak-kanak (Aina Rasyidah, S & Hapsah, M.Y, 2020) Kajian Salmah & Masilah (2015) mengemukakan kesan positif dan negatif penggunaan peranti terhadap perkembangan sosial dan kesihatan kanak-kanak. Penggunaan kanak-kanak yang melampau terhadap peranti telah menyebabkan ketagihan terhadap perisian media dan mereka kurang mengadakan komunikasi sosial secara realiti. Selain itu, tabiat itu juga boleh menyebabkan masalah penglihatan kanak-kanak (Salmah, 2015)

Merujuk kepada kajian-kajian di atas dirumuskan bahawa kesan negatif penggunaan media elektronik, peranti dan gajet sangat mempegaruhi perkembangan kanak-kanak dan kehidupan mereka. Walaubagaimanapun, kajian-kajian di atas memberi tumpuan kesan negative terhadap perkembangan fizikal, mental, emosi dan sosial kanak-kanak. Oleh itu adalah wajar kajian ini memberi tumpuan kesan dan pengaruh media elektronik terhadap perkembangan insaniah kanak-kanak yang fokus utama kepada aspek fitrah dan spiritual kanak-kanak.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti penggunaan media elektronik dalam kalangan kanak-kanak dan pengaruhnya terhadap kehidupan dan perkembangan insaniah kanak-kanak. Sementara peranan persekitaran yang terdiri daripada ibu bapa dan pusat pendidikan kanak-kanak dilihat sebagai satu cadangan membantu kanak-kanak menggunakan media secara bijaksana dan memberi impak positif di dalam kehidupan dan perkembangan insaniah mereka. Perbincangan keperluan bimbingan dan cadangan adalah berdasarkan ayat-ayat al-Quran dan as-Sunnah.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini berbentuk kajian kepustakaan, kajian komparatif, dan analisis historikal. Jurnal ilmiah, laporan kajian serta tesis yang berkaitan merupakan sumber utama kajian ini. Perbincangan juga berdasarkan beberapa ayat-ayat al-Quran dan al-Hadis al-Nabawi yang berkaitan.

### **Penggunaan Media Dalam Kalangan Kanak-Kanak**

Media Mengikut Kamus Dewan Bermaksud Alat Atau Perantara Komunikasi. Terdapat Tiga Jenis Media Iaitu Media Cetak, Media Elektronik Dan Media Massa. (Pustaka, 1998). Dewasa ini penggunaan media elektronik telah menguasai masyarakat seluruh dunia, apatah lagi apabila dunia telah dijangkiti oleh wabak Covid 19 bermula tahun 2020. Pelbagai istilah yang diberikan kepada media elektronik, antaranya skrin media (Azwanis, 2021) yang memberi maksud peralatan digital di mana kandungan media (seperti video muzik, movie, games, Youtube dan Netflix) dipaparkan melalui skrin seperti televisyen, komputer, telefon pintar, tablet dan peralatan gaming seperti Playstation atau X-box. Selain itu, media elektronik juga dikenali dengan gajet atau peranti (Aina Rasyidah Samsudin, Hapsah Md Yusof, 2020). Sementara UNICEF menggunakan istilah teknologi digital dengan memberi maksud semua peralatan digital termasuk komputer, telefon pintar dan tablet atau apa sahaja peralatan yang digunakan secara digital sama ada untuk melayari internet, mengadakan jaringan hubungan sosial, perbualan dan permainan *video games*. (Kardefelt-Whinter, 2017)

Terdapat beberapa faktor kanak-kanak terdedah kepada penggunaan media terutamanya media elektronik. Faktor pertama ialah kesibukan ibu bapa terutama urusan kerjaya terpaksa membiarkan anak bermain dengan peranti tanpa pemantauan kerana mereka ketiadaan masa untuk melayani kerendah anak-anak. (Naquih, Shahrudin, Dharsigah, Nurhidayu & Abdul Hafiz, 2018) dan (Siti Jamiaah, Nurfarahin & Juwairiah, 2020).

Faktor kedua ialah sebagai alat untuk membantu ibu bapa dalam menangani ragam kanak-kanak termasuk sebagai pengganti *baby sitter*. Peranti elektronik juga dianggap sebagai alat untuk menenangkan dan mengawal tingkahlaku dan tantrum kanak-kanak. (Vittrup, B., Snider, S., Rose, K. & Rippey, 2016) Tinjauan menunjukkan bahawa sikap ibu bapa yang banyak menumpukan perhatian kepada skrin banyak mempengaruhi pendedahannya kepada anak-anak mereka. Bahkan masa terluang untuk berinteraksi dengan anak-anak juga terpenyah dengan masing-masing asyik dengan skrin masing-masing. Peluang untuk memenuhi keperluan bimbingan, pengasuhan, perhatian, belaian dan hubungan keibubapaan berganti dengan saling memenuhi keperluan memusatkan perhatian kepada skrin masing-masing.

Faktor ketiga ialah tujuan pendidikan dan pembelajaran kanak-kanak melalui penggunaan skrin. (Azwanis, 2021) Sebagai fitrah kanak-kanak, suka meneroka sesuatu yang menyeronokkan, dan melalui penggunaan skrin sangat menarik perhatian mereka.

### **Kesan Penggunaan Media Eletronik Dalam Kalangan Kanak-Kanak**

Penggunaan media oleh kanak-kanak memberi kesan positif dan negatif terhadap perkembangan dan kehidupan kanak-kanak. Mengikut (Sohana, 2016) kesan positif media massa ialah membina perkembangan sihat kepada pengguna dalam beberapa aspek perkembangan seperti perkembangan kognitif, pembinaan sosial, akhlak dan kerohanian. Media sebagai sumber maklumat, perkembangan sosial dan kebudayaan masyarakat setempat dan masyarakat seluruh dunia. Begitu juga dengan pembentukan sikap dengan membuat penilaian dan mengambil iktibar terhadap perkara yang berlaku dan isu semasa yang berkaitan dengan kanak-kanak. Sebagai contoh, kempen-kempen yang dipaparkan seperti Kempen Cintai Alam Sekitar dan lain-lain. Media sosial juga boleh memberi pendidikan terus berkaitan sosialisasi dan bagaimana respon dan tingkah laku yang bersesuaian dengan sesuatu situasi sosial. (Natwarsinh, 2014) Selain itu, penggunaan teknologi dan media menggalakkan kanak-kanak untuk belajar, kemahiran menyelesaikan masalah serta membentuk kanak-kanak yang mempunyai minat terhadap teknologi. (Stueber, 2019) Penggunaan media memberi peluang

pembelajaran yang lebih baik kepada kanak-kanak di mana kanak-kanak boleh meneroka pelbagai perkara melalui pelayaran internet dan penggunaan pelbagai aplikasi pendidikan yang berfaedah. Minat penerokaan kanak-kanak akan bertambah dan mereka juga menjadi kreatif dengan mencuba pelbagai aktiviti dan aplikasi yang disediakan. Sebagai contoh, teknologi pendidikan membantu kanak-kanak mempelajari nombor, huruf, warna dan pelbagai kemahiran asas di rumah, sebelum mereka melangkah ke alam persekolahan. Mengikut (Florence, 2014), melalui penggunaan media, membantu kanak-kanak mempekenalkan kemahiran literasi, numerasi dan sosial serta membina pemikiran kritis, penyelesaian masalah dan kreatif. Mereka juga boleh mempelajari nilai-nilai baik melalui media yang digunakan. Manakala (Charles, 2021) menyenaraikan impak positif penggunaan teknologi media kepada kanak-kanak ialah membina keyakinan diri kanak-kanak dalam meneroka dan belajar bagaimana untuk berhubung melaluinya, membina pemikiran kritis serta boleh mendidik kanak-kanak untuk berhubung dengan orang-orang yang signifikan dalam kehidupannya.

Terdapat banyak kajian yang menunjukkan penggunaan media dan teknologi yang berlebihan kepada kanak-kanak memberi kesan negatif serta mengganggu perkembangan dan kesihatan mental, fizikal, tingkahlaku, emosi dan sosial kanak-kanak. Kesan negatif juga berpunca daripada penggunaan tanpa kawalan dan pemantauan daripada ibu bapa atau penjaga (Mohammad Iqbal, 2014). Penggunaan peranti berlebihan dan tanpa kawalan juga boleh mengakibatkan berlaku masalah pembelajaran kanak-kanak termasuklah perkembangan bahasa yang terjejas, kemahiran membaca dan memori jangka pendek. Penggunaan peranti yang berterusan juga boleh mengecutkan otak anak, terutama yang berusia di bawah tiga tahun. (Khairunnisa, 2016) Menurut (Charles, 2021) dan (Stueber, 2019) ialah boleh mengganggu perkembangan fizikal dan kesihatan, gangguan fokus, kemahiran sosial dan hubungan dengan orang di sekitarnya. Sebagai contoh, apabila kanak-kanak terlalu menumpukan perhatian mereka kepada media ataupun peranti sehingga tidak menghiraukan keperluan lain seperti bersenam, melakukan aktiviti untuk kesihatan fizikal yang boleh menyebabkan kanak-kanak terlibat dengan isu obesiti. Obesiti dalam kalangan kanak-kanak akan menyumbang kepada punca masalah kesihatan lain seperti penyakit jantung, diabetes, ketidakstabilan tekanan darah dan hipertensi. (Wan Anita & Azizah, 2013) Mereka juga memilih untuk menggunakan media pada waktu untuk tidur sehingga mengurangkan masa berkualiti untuk tidur, akhirnya mengganggu kesihatan dan daya tahan badan mereka. Sementara itu, kanak-kanak yang terdedah dengan aksi-aksi ganas melalui drama, paparan video dan permainan games, video yang melampau dan lucah boleh memberi kesan negatif kepada kognitif, sikap dan membentuk tingkah laku agresif. (Anderson, C.A. & Bushman, B.J., 2002)

Penggunaan media yang melampau mempengaruhi kehidupan sosial kanak-kanak termasuklah masa yang sangat terhad untuk bersama ibu bapa dan ahli keluarga. Begitu juga mereka kekurangan masa rehat, masa belajar, kerja rumah dan bertemu kawan-kawan serta bermain bersama. Mereka tidak mempunyai kesempatan untuk bermesra dengan keluarga dan bermain dengan kawan-kawan secara realiti, sebaliknya hanya berhubung secara maya melalui peranti elektronik. Pengaruh penggunaan media adalah sangat bergantung kepada sikap mereka terhadap konten media tersebut. (Matyjas, 2015)

### **Kehidupan Dan Pembangunan Insaniah Kanak-Kanak**

Kehidupan pada usia kanak-kanak merupakan tempoh yang sangat mustahak, memerlukan perhatian sewajarnya kerana kerana pengalaman yang dialami hari demi hari boleh mempengaruhi pembentukan struktur perkembangan fungsi hati nurani mereka termasuk kepintaran akal dan personaliti atau sahsiah. Pengalaman yang dialami oleh kanak-kanak sama

ada baik atau buruk boleh mempengaruhi perkembangan mereka dan memberi kesan yang berpanjangan di dalam kehidupan mereka, keluarga dan masyarakat. Setiap sektor yang terlibat di dalam kehidupan mereka mempunyai peranan yang sangat penting dalam membantu perkembangan mereka secara positif untuk memahami keperluan dan kepentingan diri, keluarga, persekitaran dan masyarakat sekitar mereka. (Abu Hatob, 2003)

Pembangunan insaniah yang dimaksudkan di dalam kajian ini ialah proses pembentukan dan pembinaan seluruh potensi kanak-kanak sebagai usaha memahami dan melaksanakan peranan sebagai hamba dan khalifah yang baik merangkumi proses pencapaian tahap kesejahteraan diri dan masyarakat. Proses tersebut melalui pendidikan meliputi keseluruhan aspek perkembangan kanak-kanak yang melibatkan dua elemen utama iaitu elemen spiritual dan elemen fizikal. Kedua-dua elemen ini perlu diasuh dan dikembangkan secara bersepadu dan menyeluruh. matlamat pembentukan potensi sendiri dan potensi fungsional berdasarkan ajaran al-Quran dan al-Sunnah. Melalui pembangunan insaniah kanak-kanak, terbentuk individu yang sejahtera, pemimpin berkarisma dan warga kerja yang berakhlak mulia, akhirnya terbentuk ummah cemerlang dan harmoni. Pembinaan dan pembangunan insan hendaklah dengan memberi perhatian keseimbangan antara aspek spiritual dan fizikal, kepentingan individual dan kolektif, hubungan erat antara iman dan amal, antara teori dan amali, antara kepentingan akal dan emosi serta untuk kepentingan dunia dan kepentingan akhirat.

Pembentukan individu kanak-kanak melalui pembangunan insaniah adalah sangat mustahak untuk melahirkan anak yang soleh kerana anak soleh merupakan aset yang berharga untuk ibu bapa, agama dan negara. Kepentingan mendidik anak sebagai anak soleh dengan merujuk kepada Hadis Rasulullah daripada Abu Hurairah yang bermaksud :

*Apabila mati seseorang anak Adam (manusia) maka terputuslah amalannya kecuali pada tiga perkara, iaitu; sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan doa daripada anaknya yang soleh". Riwayat Muslim*

Difahami daripada Hadis ini bahawa anak soleh sama dengan sedekah jariah, yang memberi manfaat kepada ibu bapanya selepas kematian mereka. Maka menjadi kewajipan ibu bapa membimbing dan mendidik anak-anak mereka dengan akidah dan pendidikan yang boleh membina kefahaman yang jelas tentang peranan dan tugas mereka di dalam kehidupan. Ibu bapa bertanggungjawab mendidik anak mereka menjadi anak soleh yang boleh melaksanakan tugas sebagai hamba dan khalifah. Pendidikan anak soleh perlu kepada pendidikan yang seimbang antara fizikal dan spiritual dan bersepadu serta menyeluruh setiap aspek perkembangan mereka.

### **Fitrah Kanak-Kanak**

Fitrah manusia dilahirkan dalam keadaan bersih, mempunyai kecenderungan kepada agama, kecenderungan kepada kebenaran, kesediaan untuk belajar, kesediaan untuk menerima atau dipengaruhi, kesediaan menerima tanggungjawab dan mempunyai bakat serta kebolehan tertentu.

Sebagaimana firman Allah S.W.T yang bermaksud:

*"Dan Allah mengeluarkan kamu dari perut ibumu dalam keadaan tidak mengetahui sesuatupun, dan Dia memberi kepada kamu pendengaran, penglihatan dan hati, agar kamu bersyukur" (Al-Nahl 16:78)*

Kefahaman daripada ayat tersebut di atas, sebagaimana penjelasan al-Zuhaili (1998), bahawa fitrah manusia dilahirkan dalam keadaan kosong fikiran mereka daripada sebarang pengetahuan. Mereka disediakan dengan kunci pengetahuan iaitu pendengaran, penglihatan dan hati nurani, supaya mereka boleh belajar melaluinya dengan mendengar, melihat serta menaakul. Kejadian sedemikian supaya manusia bersyukur dengan nikmat yang Allah kurniakan, menggunakan seluruh anggota badan kerana-Nya, menjadi hamba Tuhannya serta mentaati segala suruhan-Nya. Ayat ini juga sama maksudnya di dalam ayat daripada surah al-Mulk (67:23-24). Daripada kedua-dua ayat ini juga difahami bahawa kanak-kanak mempunyai kesediaan untuk belajar melalui anugerah pendengaran, penglihatan dan akal fikiran.

Secara fitrah juga kanak-kanak dilahirkan dalam keadaan cenderung kepada agama dan kebenaran. Sebagaimana firman Allah S.W.T di dalam ayat 30 Surah ar-Rum yang bermaksud:  
*Maka hadapkanlah wajahmu dengan lurus kepada agama Allah; (tetaplah atas) fitrah Allah yang telah menciptakan manusia menurut fitrah itu. Tidak ada perubahan pada fitrah Allah. (Itulah) agama yang lurus; tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahu, (ar-Rum 30;30)*

Ayat ini menjelaskan tentang Allah S.W.T telah menjadikan hamba mereka secara semulajadi mencari kebenaran, suka kepada kebenaran dan boleh menerimanya. Rasulullah S.A.W. dalam menjelaskan maksud kebaikan:

*“Dan daripada Wabishah bin Ma’bad radhiallahuanhu dia berkata : Saya mendatangi Rasulullah Shallallahu’alaihi wasallam, lalu baginda bersabda : Apakah engkau datang untuk bertanyakan tentang kebaikan ?, Saya menjawab : Benar!. Baginda bersabda : Mintalah fatwa kepada kamu sendiri. Kebaikan adalah apa-apa yang mententeramkan jiwa dan hati, sedangkan dosa adalah apa-apa yang mengusik jiwa dan meragukan hati, meskipun orang-orang memberi fatwa yang membenarkanmu”.* Hadis riwayat Ahmad Dalam Musnad 4/882 dan al-Darimi 2/246.

### **Peranan Ibu Bapa**

Kanak-kanak dilahirkan secara fitrah dan berubah mengikut acuan pendidikan ibu bapa dan persekitaran mereka, melalui sabda Rasulullah S.A.W yang bermaksud;

*“Setiap anak dilahirkan secara fitrah. Kedua orang tuanya lah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani, atau Majusi. Sebagaimana contoh haiwan yang dilahirkan oleh haiwan, apakah kalian melihat pada anaknya ada yang terpotong telinganya? (Anaknya lahir dalam keadaan telinganya tidak cacat, namun pemiliknya lah yang kemudian memotong telinganya.)”* Hadis Riwayat al-Bukhari dan Muslim. (Sahih Bukhari, No. Hadis:1271)

Daripada Hadis di atas, difahami bahawa kanak-kanak mempunyai fitrah tersendiri dan boleh dipengaruhi oleh persekitaran mereka. Persekitaran yang utama dan paling dekat dengan kanak-kanak ialah ibu bapa dan keluarga mereka. Ibu bapa merekalah yang bertanggungjawab membina jiwa insaniah kanak-kanak, membimbing kanak-kanak membesar pada jalan fitrah mereka sehingga mereka meningkat remaja dan dewasa tanpa tergelincir daripada landasan fitrah. Tanggungjawab pendidikan dan pembinaan insaniah kanak-kanak juga untuk meraikan kedudukan manusia yang lebih mulia berbanding dengan makhluk lain. Termasuklah membina persediaan mereka memahami kebaikan dan keburukan serta kemampuan untuk menghadapi pelbagai situasi dan tabiat kemanusiaan. (Al-Ajami, 2014)

Membangun insaniah kanak-kanak melalui pengasuhan dan pendidikan yang hoslistik dengan berteraskan pendidikan tauhid atau keimanan. Sebagaimana bayi dan kanak-kanak diberi perhatian terhadap makanan dan nutrisi untuk pertumbuhan fizikal, begitu juga perhatian yang perlu diberikan untuk spiritual mereka, supaya mereka membesar dan berkembang dengan akidah yang sihat. Pendidikan keimanan akan membina hubungan yang kuat antara anak-anak dengan pencipta mereka iaitu Allah S.W.T., membentuk jiwa yang merasa kewujudan Allah, mencintai Allah dan rasul-Nya, menghargai alam ciptaan Allah dan memahami hubungan antara hamba dan Tuhannya. Situasi ini seterusnya membina kanak-kanak yang mengerti untuk melakukan suruhan dan menjauhi larangan-Nya, taat melaksanakan ibadah, berakhlak mulia dan mencintai al-Quran, membaca dan menghafaznya (al-Ajami, 2014). Kepintaran akidah juga akan membimbing kanak-kanak menjadi seorang cerdas akal, emosi dan fizikal. Kanak-kanak yang terbentuk juga menjadi seorang yang mempunyai kestabilan emosi, berjiwa merdeka, kental dan berani. Juga mereka tidak mudah terpengaruh dengan perkara sia-sia, kepercayaan khurafat, yakin dengan rezeki dan usaha, tidak mementingkan diri dan menghargai orang lain. Disamping itu, pendidikan keimanan bersesuaian dengan fitrah insaniah kanak-kanak, yang dilahirkan dalam keadaan cenderung kepada kebaikan dan keimanan. (Surah ar-Rum30:30).

Dalam konteks tanggungjawab dan peranan ibu bapa dalam penggunaan media dalam kalangan kanak-kanak, mereka perlu dididik secara positif kerana situasi kehidupan mereka pada era kini, era globalisasi dan dunia digital. Walaubagaimanapun, mereka perlu diselamatkan daripada terlalu bergantung dan ketagihan kepada media, peranti dan internet. Penggunaan media oleh kanak-kanak untuk tujuan pendidikan dan membantu perkembangan diri mereka dari pelbagai aspek secara seimbang dan menyeluruh melalui pelbagai aplikasi, cerita ataupun hiburan yang bermanfaat dan tidak melalaikan. Kanak-kanak diberi peluang untuk meneroka dan keperluan pendidikan mereka dalam ruang masa yang berpatutan dan dengan pemantauan ibu bapa. Penggunaan media juga untuk membina kerohanian kanak-kanak, membentuk kefahaman yang jelas tentang peranan dan tugas kehidupan mereka sebagai hamba dan khalifah.

Dalam situasi kehidupan kini, ibu bapa wajar menyediakan peranti dan media elektronik untuk kegunaan kanak-kanak sebagai satu usaha menyediakan mereka dengan persediaan era teknologi secara berpatutan. Kanak-kanak perlu dididik menggunakan media untuk perkara bermanfaat dan kebaikan secara sederhana dan tidak melampau. Allah SWT telah mengingatkan hamba-Nya agar berhati-hati di dalam membelanjakan harta agar tidak membawa kepada kelalaian, bahkan menyesatkan mereka dari agama Allah SWT melalui firman-Nya di dalam Surah Luqman 31:6.

Mengikut laporan (Salmah Omar & Malisah Latip, 2015) Pertubuhan Telekomunikasi Antarabangsa (ITU, 2009) telah membangunkan garis panduan lebih spesifik kepada beberapa pihak bagi memastikan kanak-kanak dilindungi semasa melayari internet dan media sosial. Antara kandungan Garis Panduan Untuk Ibu Bapa dan Penjaga ialah meletakkan peranti teknologi di ruang umum, memasang perisian '*firewall*' dan antivirus, menetapkan peraturan penggunaan internet dan peranti peribadi, ibu bapa dan penjaga perlu mengetahui laman sesawang yang dilayari oleh kanak-kanak dan memantau penggunaan peranti peribadi, permainan video, permainan MP3, PDA dan lain-lain serta berkomunikasi dengan kanak-kanak tentang pengalaman melayari internet dan mendidik mereka tentang risiko tentang perkongsian maklumat peribadi, membuat perjumpaan dengan individu yang dikenali di media sosial, meletakkan gambar, menggunakan webcam dan lain-lain.



Dalam menangani kesan penggunaan media dalam kalangan kanak-kanak, (Alinia-Alhandani, 2015) telah menyenaraikan lima tugas ibu bapa. Pertama, ibu bapa perlu meneroka bersama dengan kanak-kanak dan membincangkan nilai pendidikan. Kedua, kanak-kanak tidak dibenarkan meletakkan televisyen, komputer, peralatan permainan video games dan apa-apa peranti elektronik di dalam bilik tidur mereka. Ketiga, menonton televisyen dan penggunaan media skrin tidak melebihi dua jam sehari, dan ibu bapa perlu kreatif menyediakan aktiviti dan masa untuk dinikmati sekeluarga. Keempat, Ibu bapa perlu mengawal penggunaan media elektronik sebagai guru ganti atau elektronik *nanny* semasa ketiadaan ibu bapa. Anak yang lebih tua diberi peluang untuk menentukan jadual penggunaan media dan menjadi teladan kepada adik-adik, serta ibu bapa perlu memberi penjelasan kenapa sesetengah program tidak sesuai kepada mereka.

### **Peranan Pusat Pendidikan**

Pusat pendidikan kanak-kanak mempunyai peranan yang besar dalam mendidik dan mengasuh kanak-kanak sebagai seorang pemimpin pada masa hadapan. Pendidikan awal kanak-kanak memainkan peranan yang penting dalam perkembangan dan pembangunan seseorang kanak-kanak. Sekiranya seorang kanak-kanak mendapat pendidikan asas yang berkualiti, maka diyakini kanak-kanak tersebut akan terus berjaya dalam pendidikan yang akan dilalui pada peringkat yang lebih tinggi dan mempunyai kehidupan sejahtera dan harmoni.

Dalam membincangkan kepentingan peranan pendidikan dalam membentuk kehidupan sejahtera kanak-kanak, (Hasan Langgulung, 1934-2008) mengetengahkan konsep dan falsafah pendidikan yang berasaskan Al-Quran, Al-Hadis, Ijtihad para sahabat dan pemikir Islam serta pemikir-pemikir Barat. Konsep dan pemikiran berkaitan pengertian pendidikan, kurikulum serta konsep Islamisasi kurikulum, tujuan pendidikan serta konsep Islamisasi matlamat pendidikan yang berpandukan *Taxonomy of Educational Objective (TEO)*, matlamat tertinggi pendidikan berdasarkan matlamat kejadian manusia serta fitrah dan potensi manusia. Isi kandungan atau mata pelajaran dan kurikulum pendidikan hendaklah merangkumi dimensi dunia akhirat dalam dimensi material dan moral. Kurikulum perlu dilaksanakan secara bersepadu bagi mencapai matlamat pendidikan tertinggi. Isi kandungannya adalah berdasarkan sumber akal, ilmu pengetahuan, al-Quran dan As-Sunnah dengan matlamat untuk melahirkan insan yang soleh dan beriman kepada Allah. Mereka juga mempunyai keperibadian yang seimbang antara aspek jasmani, rohani, emosi dan intelektual. (Rusleda A. , 2018)

Imam al-Nawawi (631-676) melalui penulisan kitab beliau *Riyadhus Solihin* secara tdiak langsung telah mengemukakan penyusunan kitab tersebut mengikut urutan kepentingan mengikut pandangan beliau dalam membina insan soleh yang sejahtera dan selamat di dunia dan akhirat. Perbincangan dan saranan pembangunan insan di mulakan dengan pembangunan akhlak kepada Allah SWT, terutama berkaitan pembinaan hati, diikuti pembangunan sosial, pembangunan adab, pembangunan ibadat, pembangunan jihad, pembangunan ilmu dan pembangunan batasan-batasan agama. (Kamarul Azmi, 2002)

Secara jelas bahawa, pusat pendidikan kanak-kanak berperanan untuk memberi pendidikan yang selari dengan peranan ibu bapa dalam membangun insaniah kanak-kanak dan membentuk kehidupan anak-anak yang soleh. Pembangunan insaniah secara holistik dan seimbang antara tuntutan spiritual dan keperluan fizikal, juga bermaksud membina keilmuan yang berkaitan dengan keimanan dan pembinaan pelbagai kemahiran kehidupan bersesuaian dengan situasi semasa untuk kesejahteraan dan kebahagiaan hidup dunia dan akhirat. Untuk membina kanak-kanak sebagai anak watan yang mapan, mereka tidak perlu dididik untuk menjauhkan diri dari

perkembangan dunia semasa dan kemajuan teknologi, tetapi mesti menghadapinya dengan iman yang kukuh. (Al-Qahtani, 2011) Perlaksanaan pendidikan Islam juga menepati keperluan era globalisasi kerana Islam adalah agama global, membina pembangunan insaniah bersesuaian dengan konteks perkembangan semasa. (Daun, H. & Arjmand, R., 2018)

Di negara kita, membina kesediaan untuk menghadapi era globalisasi merupakan agenda utama pendidikan dan sosial. (Rohaty, 2013) & Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Pendidikan prasekolah dan tadika telah diperakui sebagai wahana untuk pendidikan kanak-kanak berusia 4 hingga 6 tahun, sebagai pendidikan dan pengasuhan untuk persediaan mereka berada di Tahun 1 di sekolah rendah. Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) telah dibina dan dilaksanakan bermula tahun 2017 dan diperkemaskini pada tahun 2010 untuk pendidikan dan pengasuhan kanak-kanak prasekolah secara seimbang dan menyeluruh sebagai persiapan untuk sebuah kehidupan yang baik dan sejahtera. Sekalipun KSPK telah menyediakan kurikulum untuk membina perkembangan holistik kanak-kanak, disebabkan kehadiran gelombang globalisasi perkembangan pesat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah mendesak kepada suatu tindakan pantas untuk membantu kanak-kanak menghadapi kehidupan abad ke 21. Kelemahan di dalam membimbing dan mengasuh kanak-kanak untuk memahami keperluan dan tuntutan keperluan menjalani kehidupan di dalam era ini akan menyebabkan hasrat membangunkan potensi kanak-kanak secara holistik dan seimbang tidak akan tercapai. Di dalam desakan globalisasi ini juga kanak-kanak diharapkan mempunyai daya pemikiran yang tinggi berbanding dengan aspek perkembangan yang lain. Supaya kanak-kanak dapat membuat penyesuaian diri dengan situasi ini bermula dari usia kanak-kanak mereka.

Bagi memastikan apa yang dihasratkan oleh kerajaan dalam pendidikan kanak-kanak untuk mendepani kehidupan era globalisasi, penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dilaksanakan di sekolah. Perancangan dan pelaksanaan pendidikan kanak-kanak hendaklah dilakukan dengan teliti, tersusun dan sistematik. Kurikulum yang disusun mestilah bersesuaian dengan peringkat umur dan mendorong kanak-kanak untuk mengetahui pembelajaran seterusnya serta bermakna untuk pendidikan sepanjang hayat mereka. (Ahmad, E., Baharom, M. & Siti Nasrah, M., 2007) Adalah menjadi keperluan guru-guru juga memahami tugas mereka. Para guru perlu mempersiapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran yang bersesuaian. Pembelajaran kanak-kanak menjadi berkesan atau tidak bergantung kepada persediaan dan perancangan para guru sebelum memulakan sesi pengajaran dan pembelajaran, yang lebih dikenali dengan pengajaran dan pemudahcara (PdPc). Persediaan mereka termasuklah untuk memberi pendedahan dan bimbingan penggunaan media dan teknologi dalam proses PdPc. Selain daripada kemahiran menggunakan teknologi sebagai alat bantu mengajar, guru juga mempunyai kemahiran untuk mengintegrasikannya dalam PdPc. (Yee, C. H. & Suziyani, M., 2021) Kajian daripada (Sharifah, N. & Kamarul Azman, A.S., 2011) menunjukkan bahawa tahap kesediaan guru, kemudahan fizikal dan kesesuaian bahan pengajaran berada pada tahap yang memuaskan (66% - 77.5%) Dapat disimpulkan bahawa para guru di pusat pendidikan kanak-kanak sudah mempunyai kesediaan untuk menggunakan teknologi dan media di dalam proses PdPc. Diharapkan supaya para guru boleh mengintegrasikan penggunaan media untuk membina perkembangan kanak-kanak secara holistik dan seimbang.

### **Kesimpulan**

Penggunaan media dan teknologi adalah satu keperluan dalam membina kehidupan dan pembangunan insaniah kanak-kanak untuk membentuk persediaan menghadapi cabaran semasa serta menjalani kehidupan dengan sejahtera. Penggunaan media di dalam kalangan kanak-

kanak boleh memberi kesan positif dan kesan negatif terhadap seluruh aspek perkembangan kanak-kanak termasuklah aspek kesihatan mental dan fizikal, aspek perkembangan kerohanian, emosi dan sosial. Bagi membantu kanak-kanak menggunakan media secara berkesan dan bermanfaat kepada perkembangan dan kehidupan mereka, persekitaran yang signifikan dengan mereka terutama ibu bapa dan pusat pendidikan memainkan peranan yang paling utama. Persediaan peranti, pemilihan aplikasi dan konten yang disajikan di dalam media sangat mustahak untuk memastikan kanak-kanak boleh memanfaatkannya untuk pendidikan dan perkembangan insaniah mereka. Pengehadan tempoh penggunaan, pemantauan dan komunikasi ibu bapa, penjaga dan guru terhadap aktiviti kanak-kanak dengan media boleh membantu mereka menggunakan media secara sihat dan meminimalkan kesan negatif kepada mereka.

Kanak-kanak dalam era globalisasi wajar diberi pemahaman tentang penggunaan media dan kepentingannya dalam aspek kehidupan hari ini. Walaubagaimanapun penggunaannya hendaklah bersesuaian dengan keperluan dan fitrah mereka, bukan secara berlebihan sehingga membawa kepada kemudaratan diri dan mengganggu perkembangan mereka. Menjaga kebajikan, kesihatan dan perkembangan insaniah kanak-kanak secara sihat adalah amanah yang dititipkan oleh Allah SWT kepada ibu bapa, penjaga dan pendidik. Kanak-kanak yang mendapat pendidikan sesuai dengan fitrah mereka boleh menjalani kehidupan secara sejahtera, memahami pelaksanaan peranan dan tugas hamba dan khalifah serta mampu menjalin jaringan sosial dengan harmoni dan sahsiah mulia.

### Rujukan

- Abu Hatob, F. (2003). *Numuwul Insan Min Marhalat al-Janin ila Marhalat al-Musinnin*. Jordan: Maktabah al-Anglo al-Misriyah.
- Ahmad, E., Baharom, M. & Siti Nasrah, M. (2007). Peranan Multimedia di Dalam Pembelajaran Kanak-Kanak. *Seminar Kebangsaan JPPG 2007: Teknologi Dalam Pendidikan* (pp. 1-12). Seremban: JPPG.
- Aina Rasyidah Samsudin, Hapsah Md Yusof. (2020). Penggunaan Gajet Terhadap Perkembangan Kanak-Kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak*, 113-126.
- Aina Rasyidah, S & Hapsah, M.Y. (2020). Penggunaan Gajet Terhadap Perkembangan Kanak-Kanak Prasekolah. *Jurnal Pendidikan awal Kanak-Kanak kebangsaan (Special Issue)*, 113-126.
- Al-Ajami, M. A. (2014). *Tarbiyah al-Tifli fil Islam (Al-Nazoriyah wa al-Tatbiq)*. Riyadh: Maktabah An-Nasyrun.
- Alinia-Alhandani, E. (2015, Mac 1). *Research Gate*. Retrieved from Research Gate: [https://www.researchgate.net/publication/273574534\\_Some\\_Media\\_Effects\\_on\\_Children-A\\_Review](https://www.researchgate.net/publication/273574534_Some_Media_Effects_on_Children-A_Review)
- Al-Qahtani, S. B. (2011). *Al-Hadyu al-Nabawi fi Tarbiyah al-Aulad fi Dhau'i al-Kitab wal Sunnah*. Riyadh: Al-maktabah al-Waqfiah.
- Anderson, C.A. & Bushman, B.J. (2002). Violent video games and hostile expectations: A test of the general aggression model. *Personality and social Psychology Bulletin* 28, 1679-1686.
- Azwanis, A. H. (2021). Penggunaan Skrin Media Di Kalangan Kanak-Kanak: Peranan Ibu Bapa. In H. R. Ismawi, *Penggunaan Skrin Media Di Kalangan Kanak-Kanak* (pp. 4-44). Kota Kinabalu: Malaysian Integrated Medical Professional Association.
- Charles, N. A. (2021, Ogos 1). *CN Associates*. Retrieved from [https://www.cerritos.edu/hr/\\_includes/docs/August\\_2021\\_The\\_Impact\\_of\\_Technology\\_on\\_Children\\_ua.pdf](https://www.cerritos.edu/hr/_includes/docs/August_2021_The_Impact_of_Technology_on_Children_ua.pdf)
- Daun, H. & Arjmand, R. (2018). Islam, Globalizations, and Education. *Handbook of Islamic*

- Education* 7, 333-354.
- Ebrahim, A. A. (2014). Some Media Effects on Children - A Review. *International Journal of Innovation and Research in Educational Sciences*, 48-52.
- Florence, U. (2014). Impact of Social Media on Children, Adolescents and Families. *Global Journal of Interdisciplinary Social Sciences Vol:4*, 1.4.
- Kamarul Azmi, J. (2002). *Paradigma al-Imam al-Nawawi Dalam Pembangunan Insan : satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyadh al-Solihin*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Kardefelt-Whinter, D. (2017). *How Does The Time Children Spend Using Digital Technology Impact Their Mental Well-being, Social Relationship and Physical Activity?* Florence: UNICEF-Office of Research.
- Khairunnisa, K. (2016, September 30). *Astro Awani*. Retrieved from Astro Awani: <https://www.astroawani.com/berita-teknologi/dadah-digital-impak-gajet-kepada-kanakkanak-118046>
- Malaysia, P. P. (2012). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025)*. Putra Jaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Matyjas, B. (2015). Mass Media and Children. Globality in Everyday Life. *Procedia-Social and Behavioral Science* 174, 2898-2904.
- Naquih, Shahrizam, Dharsigah, Nurhidayu & Abdul Hafiz. (2018). Negative Impact of Modern Technology to the Children's Life and Their Development. *UMRAN-International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 87-99.
- Natwarsinh, R. K. (2014). Effect of Media on Children behaviour: Media Psychological Perspective. *The International Journal of Indian Psychology: Vol1*, 126-137.
- Pustaka, D. B. (1998). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Rohaty, M. M. (2013). Global readiness among preschools children in Malaysia. *International Journal of Education and Practice*, 118-126.
- Rusleda, A. (2018). *Pemikiran Pendidikan Hasan Langgulung Dan Kesesuaian Dengan Pendidikan Prasekolah di Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rusleda, A. (2018). *Pemikiran Pendidikan Hasan Langgulung dan Kesesuaiannya Dengan Pendidikan Prasekolah Malaysia*. Bangi: UKM.
- Salmah Omar & Malisah Latip. (2015, Oktober 1). *Research Gate*. Retrieved from Research Gate: [https://www.researchgate.net/publication/306256070\\_PENGARUH\\_PERANTI\\_TEKNOLOGI\\_KEPADA\\_PERKEMBANGAN\\_SOSIAL\\_DAN\\_PERMASALAHAN\\_KESIHATAN\\_KANAK-KANAK](https://www.researchgate.net/publication/306256070_PENGARUH_PERANTI_TEKNOLOGI_KEPADA_PERKEMBANGAN_SOSIAL_DAN_PERMASALAHAN_KESIHATAN_KANAK-KANAK)
- Salmah, O. &. (2015, October 1). *Pengaruh Peranti Teknologi Terhadap Perkembangan Sosial dan Permasalahan Kesihatan Kanak-Kanak*. Retrieved from Researchgate: <https://www.researchgate.net/publication/306256070>
- Sharifah, N. & Kamarul Azman, A.S. (2011). Tahap Kesiapan Penggunaan ICT Dalam Pengajaran dan Kesannya Terhadap hasil Kerja dan Tingkahlaku Murid Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 36(1), 25-34.
- Siti Jamiyah, Nurfarahin & Juwairiah. (2020, November 1). *Bicara Dakwah Kali ke 21*. Retrieved from Bicara Dakwah Kali ke 21: <https://www.ukm.my/bicaradakwah/wp-content/uploads/2020/11/BD21-6.pdf>
- Sohana, A. H. (2016). Pengaruh Media Massa Terhadap Perubahan Sosial Masyarakat. *Journal of Social Science and Humanities*, 214-226.
- Stueber, S. (2019, Oktober 22). *West Bend*. Retrieved from West Bend Cares Web Site: <https://www.thesilverlining.com/westbwndcares/blog/the-positive-and-negative-effectsof-technology-on-children>
- Vittrup, B., Snider, S., Rose, K. & Rippy. (2016). Parental Perception of the role of media and

- technology in their young children's lives. *Journal of Early Childhood Research* 14(1), 43-54.
- Wan Anita & Azizah. (2013). Media Dalam Kehidupan dan Perkembangan Kanak-Kanak. *Jurnal Pengajian Media Malaysia Vol:15*, 27-39.
- Wan Anita W.A, & Azizah, H. (2013). Media Dalam Kehidupan dan Perkembangan Kanak-Kanak. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 27-39.
- Yee, C. H. & Suziyani, M. (2021). Kkemahiran Guru Dalam Mengintegrasikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam pembelajaran Prasekolah. *Jurnal Dunia Pendidikan Vol* 3, 44-53.